

## **Muhyiddin arah pembelajaran Inggeris dikaji**

**Bernama**

**Ogos 06, 2011**

SEGAMAT 6 Ogos — Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mahukan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dikaji semula bagi memastikan pelajar benar-benar dapat menguasai bahasa penting itu sebagai bahasa kedua.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, beliau telah mengarahkan Ketua Pengarah Pelajaran melaksanakan kajian itu. Menyatakan pandangan beratnya terhadap soal menguasai bahasa tersebut oleh pelajar, Timbalan Perdana Menteri berkata, penguasaan Bahasa Inggeris adalah penting kerana ia bahasa utama dalam komunikasi antarabangsa dan ekonomi.

"Bagaimana sistem pendidikan negara selama 13 tahun, dengan lima tahun di sekolah menengah, masih tidak mampu membuatkan murid-murid kita menguasai Bahasa Inggeris dengan baik.

"Saya sendiri tidak mampu menjawabnya," katanya ketika berucap sempena lawatannya ke Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Maokil, Labis di sini hari ini. - Bernama

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0806&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_18.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0806&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_18.htm)